

SOALAN NO: 50

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPA DA : Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]

TARIKH : 6 April 2017 (KHAMIS)

**SOALAN : (Dr. Azman Bin Ismail) minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-**

jumlah terkini lambakan beras di Malaysia. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Isu lambakan yang didakwa sebenarnya berpunca daripada kekhuitiran diperingkat pengilang-pengilang kerana hanya mempunyai masa lebih kurang 3 bulan sahaja untuk mengisar padi dan menjual hasil beras yang dibeli pada bulan Ogos hingga September 2016 sebelum musim tuaian berikutnya bermula pada bulan Januari 2017. Pasaran beras tempatan dalam negara masih terkawal walaupun agak perlahan dan pada masa ini tiada isu mengenai lambakan beras berlaku serta tidak menjelaskan petani dan pengilang.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah stok beras yang berada di bawah skim pengilang BERNAS adalah sebanyak 62,234MT. BERNAS telah mengatur program jualan dan menjangkakan keseluruhan stok di atas akan habis terjual dalam tempoh 4 bulan bermula Mac hingga Jun 2017 iaitu sebelum musim baru bermula.

Dalam memastikan kepentingan bekalan beras tempatan terpelihara, Kerajaan mengawal dan menetapkan harga beras tempatan agar ianya stabil dan memberi pulangan yang berpatutan kepada para petani. Secara asasnya, Kerajaan menetapkan bahawa harga beras import tidak boleh dijual dengan lebih rendah daripada harga beras tempatan di peringkat

pemborong. Ketetapan ini merupakan usaha Kerajaan untuk memastikan pasaran bagi bekalan beras tempatan sentiasa diutamakan.

Selain itu, pihak BERNAS juga membekukan pengimportan beras putih bagi 3 bulan pertama tahun 2017 bagi tempoh Januari hingga Mac. Langkah ini diambil bagi menstabilkan pasaran beras tempatan yang agak perlahan.